

Ramai tak ikuti etika — PPIM 19

UM 2 1 DEC 1999

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Hasil kajian Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sepanjang pilihan raya umum lalu mendapati ramai penceramah tidak mengikuti etika dan budaya sehingga sanggup melemparkan fitnah dan pembohongan.

Sekumpulan pemerhati petugas khas yang dibentuk oleh persatuan itu turut mendapati ceramah yang tidak dikawal isi kandungannya menyebabkan ada pihak terpengaruh dan mempercayai setiap fitnah yang dilemparkan.

Presiden PPIM, Datuk Dr. Maamor Osman berkata, tidak kurang yang tanpa segan silu menyatakan perkara yang tidak betul dan ditokok tambah.

"Ini menyebabkan orang yang kurang arif 'simple minded' mudah mempercayai kenyataan yang dibuat," jelasnya.

Beliau berkata deniikian dalam kenvataan akhbar yang dihantar kepada *Utusan* sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai prestasi Barisan Nasional (BN) yang merosot dalam pilihan raya lalu akibat gejala fitnah.

Presiden UMNO itu berkata, walaupun terdapat faktor lain seperti kelemahan dalam parti itu, namun fitnah dan pembohongan yang ditaburkan oleh Pas telah memberi kesan buruk kepada BN.

Kata Dr. Maamor, kenyataan yang tidak benar itu (fitnah) digunakan oleh masyarakat sebagai bahan bualan, sehingga mencetuskan pertelingkahan sesama

mereka bila ada pihak tampil untuk menerangkan perkara yang sebenarnya.

Akibat keadaan itu, jelasnya, timbullah pelbagai masalah seperti sahabat handai bermasam muka dan lebih serius bila ada suami isteri mahu bercerai kerana fitnah yang disebar oleh ahli politik berkenaan.

Sehubungan itu Dr. Maamor menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mewujudkan satu kod etika menggariskan panduan untuk ahli politik berceramah mahupun berkempen dalam pilihan raya pada masa akan datang.

Langkah itu, katanya perlu bagi mengelakkan benih kebencian terus menular di kalangan ahli dan penyokong parti tertentu sehingga boleh memecahbelahkan masyarakat.

"PPIM banyak menerima panggilan dari orang ramai yang bertanyakan kepada pihak kami, sama ada berita sensasi mahupun fitnah yang disebar itu benar ataupun tidak.

"Apa yang memeranjatkan kami perkara yang dinyatakan itu amat keterlaluan dan disebar melalui ceramah politik yang diadakan," ujarnya.

Tambah beliau, dengan adanya kod etika itu nanti, tindakan boleh diambil ke atas mereka yang gagal mematuhi.

PPIM, katanya, mengesyorkan perkara tersebut selepas memikirkan kepentingan masa depan negara, agar tidak timbul lagi masalah fitnah yang boleh mengakibatkan masyarakat berpecah-belah.